

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(72)

Tarikh : 14 Disember 2022

## KENYATAAN MEDIA OLEH YAB TUAN CHOW KON YEOW, KETUA MENTERI PULAU PINANG

### PROJEK KERETA KABEL BUKIT BENDERA : PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP) TELAH DIANUGERAHKAN

14 Disember 2022 – YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengumumkan bahawa RFP untuk projek Kereta Kabel Bukit Bendera telah dianugerahkan kepada Hartasuma Sdn Bhd pada sidang media hari ini.

Panggilan RFP bagi mendapatkan cadangan terbaik untuk perkhidmatan kereta kabel Bukit Bendera bermula pada 13 Januari 2021 dan tempoh sah laku dilanjutkan kepada 30 November 2022 berikutan pandemik serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Projek ini dianugerahkan melalui Kerjasama Awam Swasta (KAS) mengenai Reka Bentuk, Kewangan, Bina, Kendali dan Pindah atau sub-set asas *Joint Venture Partnership*. Pembida yang mempunyai pengurusan projek yang baik, keupayaan teknikal dan kewangan yang kukuh serta kepakaran dalam pembinaan projek kereta kabel telah dijemput untuk menyertai RFP tersebut.

Jawatankuasa Penilaian daripada pelbagai agensi kerajaan telah menilai cadangan RFP mengikut keperluan yang ditetapkan dalam dokumen RFP. Hartasuma Sdn Bhd telah disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri Pulau Pinang. Berikutan pembidaan terbuka, anggaran pelaburan oleh pembida yang berjaya dijangka berjumlah kira-kira RM245 juta dan projek itu berdasarkan tempoh konsesi selama 30 tahun.

Jajaran dan kesesuaian lokasi projek kereta kabel telah diambil kira oleh Jawatankuasa Penilaian, dengan tapak jajaran laluan yang paling sesuai ialah berhampiran Taman Botani Pulau Pinang. Projek ini dijangka mengambil masa selama tiga tahun untuk siap sepenuhnya dan mula beroperasi.

Pembida yang berjaya, Hartasuma Sdn Bhd, adalah perintis dalam industri rel tempatan dan mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam keseluruhan rangkaian pelaksanaan projek daripada pengurusan projek dan logistik, rantaian bekalan antarabangsa, protokol ujian dan pentauliahian serta pembiayaan projek. Mereka telah berjaya membekalkan lebih 400 kereta rel untuk beberapa projek pengangkutan awam terbesar di Kuala Lumpur termasuk laluan transit paling sibuk di Malaysia, iaitu Laluan Kelana Jaya. Mereka membawa bersama pasukan pengurusan yang mempunyai pengalaman dalam operasi Laluan 1 MRT dan Kereta Kabel Langkawi yang sangat berjaya.

Mereka telah dianugerahkan projek kereta kabel Bukit Bendera berdasarkan kapasiti kewangan, sistem kereta kabel yang dicadangkan, keupayaan teknikal, pembinaan dan operasi, langkah perlindungan alam sekitar dan cadangan pada masa membida.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow berkata, "Dengan adanya kereta kabel Bukit Bendera, Pulau Pinang akan memperolehi satu lagi tarikan pelancong yang ikonik sebagai tambahan kepada funikular sedia ada yang telah memberi perkhidmatan kepada penduduk dan pengunjung Bukit Bendera selama hampir 100 tahun. Kami berharap ia akan membantu kelancaran trafik terutamanya semasa musim puncak, memandangkan perkhidmatan funikular yang berusia seabad dari kawasan Air Itam. Selain itu, kami berharap mod pengangkutan yang lebih hijau ini akan meningkatkan lagi pengalaman pelancongan dan menyumbang kepada sosio-ekonomi kawasan sekitar yang akan menawarkan kira-kira 500 peluang pekerjaan. Kami menjangkakan untuk melihat pertumbuhan dalam sektor pelancongan secara keseluruhan sebaik saja kereta kabel itu beroperasi."

"Dengan kedatangan pengunjung tahunan melebihi 1.3 hingga 1.8 juta, kami berharap kereta kabel Bukit Bendera akan memainkan peranan praktikal dalam mengimbangi jumlah pengunjung. PBBPP juga berharap untuk melaksanakan pengangkutan mesra alam bagi pengunjung untuk ke stesen kereta kabel bagi mengurangkan pelepasan karbon di kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera. Selain itu, kereta kabel Bukit Bendera akan memastikan perjalanan yang selamat dan menyeronokkan serta meningkatkan penghargaan pengunjung terhadap alam semula jadi di samping menikmati kehijauan dan pemandangan udara Rizab Biosfera Bukit Bendera," tambah Chow.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wlim@penanghill.gov.my](mailto:wlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)